

Arahan : Pilih jawapan yang paling sesuai

1. Seng Yun mengulang kaji pelajaran dengan berpandukan _____ yang baru dibelinya.

- A buku kedatangan
- B buku catatan
- C buku rujukan
- D buku lima

2. Mei Lan menukar bingkai _____nya yang rosak kerana terjatuh ke lantai.

- A cahaya mata
- B cermin mata
- C mata pisau
- D matahari

3. Hakim itu menggunakan _____nya semasa menjatuhkan hukuman kepada pesalah itu.

- A budi bahasa
- B budi pekerti
- C budi bicara
- D balas budi

4. Jejak itu ternanti-nantikan _____ dengan gadis idamannya pada minggu depan.

- A temu janji
- B temu bual
- C temu duga
- D temu ramah

5. Perarakan Hari Kemerdekaan akan disiarkan secara _____ dari Dataran Merdeka.

- A lalu lintas
- B lintas akal
- C litar pintas
- D lintas langsung

6 Marsya kelihatan muram apabila dia hanya mendapat _____ dalam pertandingan nyanyian.

- A baik hati
- B puas hati
- C sagu hati
- D gerak hati

7. Kai wong memasukkan sehelai kertas kecil yang mengandungi cadangannya ke dalam _____.

- A peti besi
- B peti sejuk
- C peti wang
- D peti cadangan

8. Jangan _____kan hal peribadi dengan kerja kita," kata Ali kepada rakan setugasnya.

- A tangan baju
- B campur aduk
- C tangan kanan
- D campur tangan

9. Cikgu Shaerina memastikan _____ lagu yang diterangkannya difahami oleh murid-murid.

- A seni kata
- B tutur kata
- C kata putus
- D kata laluan

10. Telefon bimbit yang lama itu tidak di _____ lagi.

- A guna pakai
- B temu bual
- C kemas kini
- D ambil alih